

“V: AL-GHINĀ`U WA AL-HARAKATU” MEMBANTU MURID MENINGAT RUKUN DAN SUNAT WUDUK

SITI ZALEHA BINTI ZA'BA @ JABA
cityey95@live.com.my

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) saya dalam meningkatkan kemahiran mengenal dan mengingat rukun dan sunat wuduk melalui “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan bagi menguji minat murid dan menilai keberkesanan penggunaan “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” dalam mengatasi masalah murid untuk mengenal dan mengingat rukun dan sunat wuduk. Bagi melaksanakan kajian ini, saya telah memperkenalkan video lagu “Mari Berwuduk!” yang mengandungi rukun dan sunat wuduk. Pelaksanaan inovasi pedagogi ini melibatkan tiga orang peserta kajian Tahun Satu di salah sebuah sekolah di bandar Kuching. Tinjauan awal telah dibuat semasa sesi PdP di dalam bilik darjah. Data dikumpul melalui pemerhatian, Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan, temu bual, dan analisis maklum balas. Hasil dapatan pula dianalisis menggunakan pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Bagi menyemak data, saya telah menggunakan triangulasi sumber. Hasil dapatan menunjukkan bahawa berlaku peningkatan markah dari 36% ke 100%. Ini menunjukkan bahawa “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” yang saya gunakan amat relevan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam mengenal dan mengingat rukun dan sunat wuduk. Diharap kajian ini boleh dilanjutkan pada masa akan datang, dengan menggunakan “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” bagi mengenal dan mengingati ‘ibādah-‘ibādah serta bidang Pendidikan Islam yang lain.

Kata kunci: *‘ibādah, wuduk, V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu, video, kaedah nyanyian, kaedah pergerakan, kemahiran mengingat.*

PENGENALAN

Pada semester yang lepas, saya telah menjalani sesi praktikum selama 12 minggu di Sekolah Kebangsaan Istana (*bukan nama sebenar*) bermula dari 3 Julai 2017 sehingga 29 September 2017, dan dipertanggungjawabkan untuk mengajar Pendidikan Islam Tahun 1 Merah. Pada 1 Ogos 2017, saya telah diberi amanah untuk menjalankan proses PdP bagi tajuk “Berwuduk”. Pada waktu tersebut, saya telah menggunakan kaedah penerangan. Untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih menarik dan berkesan, saya telah mengambil inisiatif untuk menerapkan penggunaan TMK, iaitu menggunakan slaid bergambar sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Antara objektif yang perlu dicapai ialah:

1. Murid dapat menyebut rukun-rukun wuduk mengikut urutan.
2. Murid dapat menyebut perkara-perkara sunat ketika berwuduk.

Namun, apa yang berlaku adalah tidak seperti yang diharapkan. Berdasarkan tinjauan awal yang telah saya lakukan, saya mendapati bahawa murid-murid menghadapi masalah dalam menyenaraikan rukun dan sunat wuduk. Dari sudut pemerhatian yang telah dilakukan, saya telah memerhati respon murid melalui sesi ujian secara lisan. Jadual 1 menunjukkan skor kekerapan murid Tahun 1 Merah yang berjaya menjawab berkenaan menyenaraikan rukun dan sunat wuduk secara lisan

Jadual 1

Skor Kekeperan dan Peratusan Markah Ujian Lisan Tahun 1 Merah

Skor	Kekeperan	Peratusan (%)
0 – 4 (Lemah)	12	80
5 – 8 (sederhana)	2	13.33
8 – 12 (Cemerlang)	1	6.67
JUMLAH	15	100

Berdasarkan Jadual 1, saya mendapati bahawa peratus bagi skor markah lemah adalah sangat tinggi, iaitu sebanyak 80%. Manakala peratus bagi skor markah cemerlang ialah hanya sebanyak 6.67%. Ini menunjukkan bahawa murid masih belum menguasai sepenuhnya tajuk “Berwuduk” yang telah dipelajari pada waktu tersebut.

Manakala dari sudut analisis dokumen, saya mendapati bahawa murid tidak dapat menjawab perlakuan rukun dan sunat wuduk dengan betul melalui Ujian Sebelum Tindakan. Jadual 2 pula menunjukkan skor kekeperan dan peratusan markah Ujian Sebelum Tindakan yang diperolehi murid Tahun 1 Merah.

Jadual 2

Skor Kekeperan dan Peratusan Markah Ujian Sebelum Tindakan Tahun 1 Merah

Skor	Kekeperan	Peratusan (%)
0 – 4 (Lemah)	2	13.33
5 – 7 (sederhana)	10	66.67
8 – 12 (Cemerlang)	3	20
JUMLAH	15	100

Daripada hasil dapatan yang diperolehi, saya mendapati bahawa peratus bagi skor markah lemah dan sederhana adalah tinggi, iaitu sebanyak 80%. Manakala peratus bagi skor markah cemerlang ialah sebanyak 20%. Perkara ini amat menarik minat saya untuk mengetahui apakah masalah dan punca sebenar perkara ini berlaku, sehingga saya berasa terpanggil untuk membuat kajian tindakan berkenaan dengan tajuk tersebut.

Dalam pada itu, Mann (1970) menyatakan bahawa guru yang efektif dapat mengukuhkan ingatan murid terhadap sesuatu topik menerusi kepelbagaian kaedah pengajaran dan bahan yang menarik. Justeru, saya mengambil inisiatif dan membuat keputusan untuk menjalankan satu kaedah dan membina satu bahan yang berkesan dalam membantu murid mengingat rukun dan sunat wuduk.

FOKUS KAJIAN

Saya menjadikan bidang ‘Ibādah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 1 sebagai fokus kajian saya dalam penyelidikan tindakan ini. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 1 edisi semakan tahun 2017, salah satu Standard Kandungan yang terkandung dalam bidang ‘Ibādah bagi Tahun 1 ialah memahami dan mengamalkan konsep berwuduk dengan sempurna. Antara fokus kajian bagi tajuk ini ialah:

1. Murid dapat menyebut rukun-rukun wuduk mengikut urutan.
2. Murid dapat menyebut perkara-perkara sunat ketika berwuduk.

Penggunaan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”, iaitu gabungan kaedah nyanyian dan pergerakan serta penggunaan video diharapkan dapat membantu murid dalam mengingat rukun wuduk dan sunat wuduk dengan betul, di samping menerapkan unsur didik hibur serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam sesi PdP yang dikatakan mampu membantu untuk menambah pengetahuan kanak-kanak (Noorfarahin, 2015).

Tajuk berkenaan wuduk telah terkandung di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tahun 1, dan ianya merupakan salah satu tajuk yang amat penting untuk murid pelajari dan murid perlu kuasai, kerana untuk menunaikan sesuatu solat, diwajibkan kepada setiap insan untuk berwuduk bagi menghilangkan hadas kecil terlebih dahulu. ‘Ibādah solat yang dilakukan tanpa wuduk adalah tidak sah dan sia-sia. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Mā’idah, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah).”

(Surah al-Mā’idah, 5:6)

Tajuk wuduk ini diperkenalkan dalam kalangan murid Tahun 1, dan hal ini cukup membuktikan bahawa tajuk ini sangat penting untuk dikuasai oleh murid-murid sejak di peringkat awal lagi.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Membantu murid mengingat rukun dan sunat wuduk melalui “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”.
2. Meningkatkan minat murid dalam mempelajari tajuk “Berwuduk” dengan menggunakan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”.
3. Menambah baik amalan PdP pengkaji dalam meningkatkan kemahiran mengingat rukun dan sunat wuduk melalui “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”.

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah penggunaan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” dapat membantu murid mengingat rukun dan sunat wuduk dengan betul?
2. Adakah murid lebih berminat dalam mempelajari tajuk “Berwuduk” dengan menggunakan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”?
3. Adakah penggunaan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” dapat membantu menambahbaik amalan PdP pengkaji dalam meningkatkan kemahiran mengingat rukun dan sunat wuduk?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan tiga orang peserta kajian dalam kalangan murid Tahun 1 Merah di sebuah sekolah di Bandar Kuching. Peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada murid yang lemah dalam menyenaraikan rukun dan sunat wuduk secara Ujian Lisan melalui pemerhatian serta penguasaan mereka yang lemah dalam menyenaraikan rukun dan sunat wuduk melalui analisis dokumen yang telah saya jalankan melalui Ujian Sebelum Tindakan semasa sesi PdP di dalam kelas. Jadual 3 menunjukkan ringkasan profil bagi ketiga-tiga peserta kajian yang telah terlibat di dalam kajian tindakan ini:

Jadual 3

Ringkasan Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	Umur	Jantina	Markah Ujian Lisan (x/12) (%)	Markah Ujian Sebelum Tindakan (x/12) (%)
Abang	7 tahun	Lelaki	4/12 (33%)	6/12 (50%)
Iyad	7 tahun	Lelaki	3/12 (25%)	4/12 (33%)
Sarah	7 tahun	Perempuan	3/12 (25%)	3/12 (25%)

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Berdasarkan kepada masalah yang dihadapi oleh murid, saya telah mengambil inisiatif untuk mencipta satu kaedah dan bahan yang dinamakan “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”, iaitu penggabungan kaedah nyanyian (*al-Ghinā`u*), pergerakan (*al-Harakatu*), dan penggunaan video (V). Ketiga-tiga elemen ini telah digabungkan dalam membantu murid mengingat rukun dan sunat wuduk.


Secara ringkasnya, kajian ini dimulakan dengan langkah yang pertama iaitu memperkenalkan rukun dan sunat wuduk menggunakan kaedah *al-Ghinā`u*, iaitu kaedah nyanyian. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Hermann (1991) mendapati bahawa integrasi muzik dengan mata pelajaran lain dapat melengkapkan perkembangan otak kiri dan kanan murid, secara tidak langsung daya ingatan murid menjadi lebih kuat, seterusnya PdP akan menjadi lebih seronok dan berkesan.

Penerapan muzik dan nyanyian dalam pembelajaran adalah penting bagi membantu memperkembangkan pengetahuan, idea, serta mengukuhkan ingatan murid semasa melagukan sesuatu lagu (Abdullah, 1994). Sebagai tindakan awal, lagu yang telah diperkenalkan adalah adaptasi dari lagu “BINGO” dan diubah kepada lirik lagu “Mari Berwuduk!”. Lirik dan lagu tersebut ditayangkan dengan menggunakan slaid. Rajah 1 menunjukkan lirik lagu yang berjaya dihasilkan menggunakan tayangan slaid:



Rajah 1. Lirik Lagu Yang Telah Dihasilkan Dalam Bentuk Slaid


Pada langkah yang kedua, saya telah menggunakan kaedah *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*, iaitu gabungan kaedah nyanyian dan pergerakan. Gerakan yang diperkenalkan melibatkan gerakan kepala, tangan dan kaki, iaitu anggota-anggota badan yang terlibat dengan wuduk. Penggabungan kaedah nyanyian dan pergerakan ini mampu menarik minat murid untuk belajar dan mudah mengingat (Ainul Husna, 2016). Rajah 2 menunjukkan ringkasan pergerakan wuduk yang terlibat di dalam kajian tindakan ini:



Rajah 2. Ringkasan Pergerakan Bagi Nyanyian “Mari Berwuduk!”

Penyelidikan tindakan diteruskan dengan menggunakan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”, iaitu gabungan kaedah nyanyian, pergerakan, dan penerapan elemen TMK melalui tayangan video. Satu laporan yang telah dibuat oleh National Institute Of Multimedia Education di Jepun membuktikan bahawa pendedahan murid terhadap integrasi TMK melalui kurikulum pendidikan dapat memberi kesan yang positif kepada para murid (Kumiko Aoki, 2010).

Video “Mari Berwuduk!” merupakan video berkenaan rukun dan sunat wuduk. Video tersebut disunting menggunakan *software Wondershare Filmora*, dan video tersebut adalah hasil suntingan saya sendiri selaku penyelidik kajian. Rajah 3 menunjukkan antara langkah-langkah suntingan video yang telah saya lakukan:




Rajah 3. Ringkasan Pergerakan Bagi Nyanyian “Mari Berwuduk!”

Sebanyak tiga video “Mari Berwuduk!” yang berlainan telah ditayangkan kepada peserta kajian, dan video tersebut ditayangkan secara berperingkat-peringkat. Video pertama merupakan video yang mengandungi lirik lagu “Mari Berwuduk!” beserta dengan gambar perlakuan rukun dan sunat wuduk dan juga dengan iringan muzik. Rajah 4 menunjukkan video peringkat pertama yang berjaya dihasilkan.




Rajah 4. Video Peringkat Pertama “Mari Berwuduk!”

Video peringkat kedua pula merupakan video yang mengandungi lirik lagu “Mari Berwuduk!” sahaja bersama dengan iringan muzik, tanpa disertakan gambar perlakuan wuduk. Rajah 5 menunjukkan video peringkat kedua yang telah berjaya saya dihasilkan.



Rajah 5. Video Peringkat Kedua “Mari Berwuduk!”



Rajah 6. Video Peringkat Ketiga “Mari Berwuduk!”

Seterusnya, video peringkat ketiga merupakan video yang hanya memaparkan gambar perlakuan wuduk sahaja tanpa memaparkan lirik lagu tersebut, dan video tersebut diiringi bersama dengan iringan muzik. Rajah 6 menunjukkan video peringkat ketiga yang telah berjaya saya dihasilkan:

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan kaedah “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” dapat membantu murid mengingat rukun wuduk dengan sunat wuduk dengan betul. Dapatan kajian menunjukkan bahawa saya berjaya membantu murid dalam mengingat rukun dan sunat wuduk melalui “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”. Ternyata kaedah nyanyian dan pergerakan mampu meningkatkan daya ingatan murid dalam menguasai rukun dan sunat wuduk. Ini disokong oleh Nur Fazirin (2013), Rabiatul Adawiyah (2013), dan Suhana (2012), mereka bersetuju dan bersepakat mengatakan bahawa pengaplikasian kaedah nyanyian dan pergerakan telah berjaya meningkatkan ingatan murid terhadap isi pelajaran yang dipelajari. Di samping menimbulkan rasa seronok di dalam diri murid-murid, penerapan kaedah nyanyian dan pergerakan dalam PdP juga dapat membantu memudahkan murid untuk mengingat fakta yang mereka pelajari di dalam kelas.

Saya telah menjalankan sebanyak tiga Ujian Penilaian bagi melihat perkembangan peserta kajian dalam mengingat rukun dan sunat wuduk. Dalam pelaksanaan Ujian Penilaian 1 adalah fasa saya menggunakan kaedah *al-Ghinā`u*, Ujian Penilaian 2 merupakan fasa saya menggunakan kaedah *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*, manakala Ujian Penilaian 3 merupakan fasa saya menggunakan gabungan “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”. Jadual 4 merupakan skor kekerapan markah bagi Ujian Penilaian 1, Ujian Penilaian 2, dan Ujian Penilaian 3 ke atas para peserta kajian.

Jadual 4

Skor Kekerapan Markah Ujian Penilaian 1, Ujian Penilaian 2, dan Ujian Penilaian 3

Peserta Kajian	Ujian Penilaian 1 (15 Ogos 2017)		Ujian Penilaian 2 (22 Ogos 2017)		Ujian Penilaian 3 (12 September 2017)	
	Kekerapan	Peratusan (%)	Kekerapan	Peratusan (%)	Kekerapan	Peratusan (%)
Abang	4/12	33	6/12	50	12/12	100
Iyad	8/12	67	10/12	83	12/12	100
Sarah	5/12	42	6/12	50	12/12	100

Selain itu, saya juga sempat membuat temu bual bersama Abang selaku salah seorang peserta kajian. Temu bual ini telah dijalankan pada pada sesi kajian yang terakhir, iaitu 28 September 2017.

Pengkaji : Bolehkah anda nyatakan apakah rukun wuduk dan sunat wuduk? Senaraikan.
 Abang : *sambil menyanyi dan membuat pergerakan* **Rukun wuduk ada enam, janganlah kita lupa; niat, basuh muka, tangan hingga siku, basuh di kepala, kaki dan juga tertib. Sunat wuduk ada enam, marilah amalkannya; membaca bismillah, pergelangan tangan, kumur-kumur dan hidung, telinga juga doa.**

Pengkaji : Adakah aktiviti mengingati rukun dan sunat wuduk itu senang atau susah? Mengapa?
 Abang : **Senang! Sebab best ada lagu, video dan gerak-gerak.**

(Transkrip temu bual bersama Abang, 28 September 2018)

Rajah 7. Sedutan Temu Bual Bersama Peserta Kajian

Hasil temu bual telah menunjukkan perkembangan positif dalam mengingat rukun dan sunat wuduk dalam kalangan peserta kajian. Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual bersama peserta kajian yang telah dijalankan, saya dapat membuat satu kesimpulan bahawa penggunaan “V: *al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” adalah sangat

berkesan dalam membantu murid mengingat rukun dengan sunat wuduk dengan baik dan tepat.

Murid lebih berminat dalam mempelajari tajuk “Berwuduk” dengan menggunakan “V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa saya berjaya membantu meningkatkan minat murid dalam mempelajari tajuk “Berwuduk” melalui “V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu”. Peserta kajian juga menunjukkan minat dalam mempelajari tajuk “Berwuduk” menggunakan kaedah ini. Perkara ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Rafiza Hafiz (2013), hasil analisis data temu bual dalam kajiannya mendapati kaedah nyanyian yang digunakan berjaya menarik minat dan meningkatkan pemahaman peserta kajian untuk mempelajari tajuk Malaikat beserta tugasnya. Hal ini kerana penggabungan ilmu dengan muzik adalah cara penyampaian ilmu yang paling ampuh bagi menarik perhatian murid. Perkara ini selari dengan pendapat Hamisan (2010) yang menyatakan bahawa muzik dan hiburan menjadi satu elemen dalam membina minat, keseronokan, prestasi dan kesediaan belajar murid, serta berjaya dalam meningkatkan keberkesanan hasil kerja dan daya ingatan murid. Dapatan kajian melalui analisis borang maklum balas yang telah dijalankan ke atas ketiga-tiga peserta kajian menunjukkan bahawa penggunaan “V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu” mampu meningkatkan minat murid dalam mempelajari rukun dan sunat wuduk. Jadual 5 menunjukkan analisis borang maklum balas daripada ketiga-tiga peserta kajian.

Jadual 5

Analisis Borang Maklum Balas Peserta Kajian

Bil	Item	Skala					Jumlah	Min
		1	2	3	4	5		
1.	Kaedah nyanyian ini mudah untuk dipelajari dan difahami.					3	3	5
2.	Kaedah pergerakan ini mudah untuk dipelajari dan difahami.			1		2	3	4.33
3.	Saya lebih suka menggunakan kaedah nyanyian dan pergerakan daripada kaedah pembelajaran biasa.				1	2	3	4.67
4.	Saya lebih suka menggunakan tayangan video daripada kaedah pembelajaran biasa.					3	3	5
5.	Saya ingin menggunakan kaedah nyanyian dan pergerakan, serta tayangan video pada masa yang akan datang.			1	1	1	3	4.00

Berdasarkan Jadual 3, didapati tahap pengukuran min berada pada kedudukan yang tinggi apabila memperoleh nilai min di antara 4.00 hingga 5.00 bagi setiap item yang disediakan. Data ini juga disokong oleh temu bual bersama Abang selaku peserta kajian. Temu bual ini telah dijalankan pada pada sesi kajian yang terakhir, iaitu 28 September 2017. Rajah 8 menunjukkan transkrip temu bual bersama Abang selaku peserta kajian.

Pengkaji	: Adakah aktiviti mengingat rukun dan sunat wuduk itu senang atau susah? Mengapa?
Abang	: Senang! Sebab best ada lagu, video dan gerak-gerak. (Sebab seronok ada lagu, video, dan pergerakan).
Pengkaji	: Adakah anda suka kaedah nyanyian diaplikasikan dalam PdP?
Abang	: Suka!
Pengkaji	: Adakah anda suka lagu “Bingo” diaplikasikan dalam nyanyian ini?
Abang	: Suka!
Pengkaji	: Adakah kaedah ini memudahkan anda untuk mengingat rukun wuduk dan sunat wuduk?
Abang	: Aok, senang gilak mok ingat. Nang best ada lagu. (Ya, senang sangat nak ingat. Memang seronok ada lagu)

(Transkrip temu bual bersama Abang, 28 September 2018)

Rajah 8. Transkrip Temu Bual Bersama Peserta Kajian

Berdasarkan analisis temu bual dan maklum balas yang telah dilakukan terhadap ketiga-tiga peserta kajian, saya dapat membuat satu rumusan bahawa “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” ini telah berjaya menarik minat murid dalam mempelajari rukun wuduk dan sunat wuduk.

Penggunaan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” dapat meningkatkan amalan pengajaran pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan PdP saya lebih berkesan dan sistematik dengan menggunakan “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” dalam sesi PdP tajuk “Berwuduk”. Bagi membuktikan amalan pengajaran saya dapat telah berjaya dipertingkatkan, satu analisis temu bual bersama guru pembimbing dan rakan praktikum telah dijalankan. Berikut merupakan sedutan temu bual bersama guru pembimbing dan rakan praktikum.

Pengkaji	: Adakah kaedah “ <i>V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu</i> ”. yang telah saya jalankan dapat membantu murid dalam mengingati rukun dan sunat wuduk? Apa pandangan ustaz?
Ustaz Man	: <u>Ya, bagi saya, kaedah tersebut sangat membantu murid untuk ingat rukun dan sunat wuduk. Kaedah tersebut sangat dekat dengan diri murid, kerana adanya unsur didik hibur. Tambah-tambah lagi dengan adanya lagu dan pergerakan, serta adanya video. Memudahkan murid untuk lebih ingat akan apa yang mereka belajar.</u>
(Transkrip Temu Bual Bersama Guru Pembimbing, 28 September 2018)	

Rajah 9. Sedutan Temu Bual Bersama Guru Pembimbing Berkenaan Amalan Pengajaran

Pengkaji	: Apakah pendapat ustazah dengan “ <i>V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu</i> ” yang telah saya lakukan dalam kajian ini?
Ustazah Nur	: Pada pendapat saya, kaedah ini sangat bagus digunakan untuk pembelajaran di dalam kelas. <u>lanya membantu murid dalam mengingat apa yang telah mereka belajar. Malah, murid-murid memberi respon yang positif semasa PdP sedang dijalankan.</u>
(Transkrip temu bual Ustazah Nur, 27 September 2017)	

Rajah 10. Sedutan Temu Bual Bersama Rakan Praktikum Berkenaan Amalan Pengajaran

Melalui instrumen pemerhatian, saya telah membuat perbandingan mengenai perubahan peserta kajian dalam memahami rukun dan sunat wuduk menggunakan kaedah “*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*”. Jadual 6 menunjukkan hasil dapatan pemerhatian saya terhadap peserta kajian pada sebelum dan selepas kajian.

Jadual 6

Borang Senarai Semak Hasil Pemerhatian Sebelum dan Selepas Kajian

Bil	Perkara	Abang		Iyad		Sarah	
		Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
1	Murid dapat menyatakan rukun-rukun wuduk dengan betul.	X	/	X	/	X	/
2	Murid dapat menyatakan sunat-sunat wuduk dengan betul.	X	/	X	/	X	/
3	Murid dapat membezakan antara rukun wuduk dan sunat wuduk dengan betul.	X	/	X	/	X	/
4	Murid memerlukan bimbingan guru berkenaan rukun wuduk dan sunat wuduk.	/	X	/	X	/	X

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa perubahan positif telah berlaku terhadap penguasaan rukun wuduk dan sunat wuduk dalam kalangan murid, sekaligus berjaya memperbaiki dan meningkatkan amalan pengajaran saya selaku penyelidik kajian, untuk membantu murid mengingat rukun wuduk dan sunat wuduk dengan baik.

REFLEKSI

Daripada kaca mata seorang penyelidik yang baru memasuki dunia penyelidikan, saya berpendapat bahawa penyelidikan ini telah mendidik saya untuk menjadi seorang penyelidik dan penulis yang beretika dan berintegriti, dan juga memberi kesedaran kepada diri saya akan betapa pentingnya penguasaan ilmu agama serta penerokaan ilmu baharu. Pendidik yang cemerlang akan sentiasa berusaha untuk menimba dan meneroka ilmu pengetahuan, dan mengaplikasi serta menyebarkan ilmu tersebut melalui pelbagai medium (Kamarul Azmi, 2010). Kata-kata tersebut telah menjadi inspirasi buat diri saya agar sentiasa sentiasa mencari dan menimba ilmu tanpa henti.

“*V: al-Ghinā`u wa al-Harakatu*” ini juga telah berjaya meningkatkan minat dan daya ingatan peserta kajian dalam proses menghafal dan mengingat lagu dan pergerakan berkenaan rukun dan sunat wuduk. Penyelidikan tindakan ini telah memberi ruang dan peluang kepada diri saya untuk mencuba amalan sendiri yang luar biasa berbanding sesi PdP Pendidikan Islam yang sebelumnya. Selepas melaksanakan kajian ini, saya telah melihat kesan yang sangat positif dalam kalangan peserta kajian sama ada dari segi pencapaian akademik mahupun perlakuan diri murid. Perkara ini sekaligus berjaya menambah baik amalan sendiri PdP saya selaku seorang pendidik.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pada masa yang akan datang, saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini kepada kitaran yang seterusnya apabila saya ditempatkan di sekolah kelak. Saya juga bercadang agar kajian ini digunakan secara meluas bukan setakat bidang ‘ibādah sahaja, tetapi juga meliputi bidang Pendidikan Islam yang lain, seperti al-Qur`ān, ‘aqidah, sirah, adab, dan jawi. Selain itu, saya juga mencadangkan untuk mewujudkan satu lagi bahan bantu mengajar berupa kad sebagai pengukuhan, khususnya dalam tajuk wuduk. Setiap kad mempunyai gambar perlakuan wuduk, dan kad tersebut hendaklah disusun mengikut kategori dan urutannya yang tersendiri. Murid boleh menyanyikan lagu tersebut sambil memegang kad masing-masing. Saya yakin, pembelajaran santai sebegini mampu menarik minat murid untuk terus belajar dan PdP menjadi lebih berkesan.

RUJUKAN

Al-Qur`ān al-Karīm

Abdullah al-Amin an-Na'miy. (1994). *Kaedah dan Kaedah Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ainul Husna Mohamed. (2016). *Kaedah Nyanyian dan Permainan Karom Membantu Murid Tahun Satu Mengenali Kedudukan Dan Bilangan Titik Huruf Jim, Cha, Ha, dan Kha Dengan Betul*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hamisan Salim. (2010). *Penggunaan Muzik dalam Pembelajaran dan Pengajaran Kerja Amali Kemahiran Hidup Sekolah Rendah*. Pelaporan Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hermann, N. (1991). The Creative Brain. *Journal of Creative Behaviour*. 25 (4): 275-295.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Diakses pada 16 Februari 2018, daripada <https://sumberpendidikan.com/2016/12/07/3265/>
- Kumiko Aoki. (2010). The Use of ICT and e-Learning in Higher Education in Japan. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Education and Pedagogical Sciences*. 4(6): 986-990
- Mann. (1970). *The College Classroom*. New York: Willey.
- Noorfarahin Muhamad Fadzil. (2015). *Kepentingan Subjek ICT Kepada Kanak-Kanak*. Diakses pada 12 Februari 2018, daripada <http://www.kpakk.edu.my/artikel/kepentingan-pembelajaran-information-and-technology-ict-kepada-guru-pelatih-pendidikan-awal-kanak-kanak-di-kolej-pekembangan-awal-kanak-kanak-kpakk/>
- Nur Fazirin Mohamed Nasir. (2013). *Dikir Insafi*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Rafiza Hafiz Foji. (2013). *Kad Malaikat Berlagu*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Rabiatul Adawiyah Umar Syarifudin. (2012). *Ombak Mad Al-Hujurat*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Suhana Udin. (2012). *Meningkatkan Kemahiran Mengingat Huruf Idgham Maal Ghunnah Menggunakan Gabungan Kaedah Ilustrasi Kartun, Pergerakan, dan Nyanyian*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.